



Kementerian Pembangunan Wanita,  
Keluarga dan Masyarakat

## KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

### SIARAN MEDIA

#### JKM AKAN MELATIH LEBIH RAMAI PENJAGA UNTUK PESAKIT MENTAL

**GEORGETOWN, 27 FEBRUARI 2012** – Kurang upaya mental telah diklasifikasi sebagai satu daripada tujuh kategori orang kurang upaya (OKU) dalam urusan pendaftaran OKU. Perkara ini merupakan inisiatif Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sewaktu mengkategorikan semula golongan OKU di negara ini. Sebagai agensi utama yang bertanggungjawab ke atas kesejahteraan golongan OKU, KPWKM turut memberi penjagaan kepada pesakit mental di institusi-institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

KPWKM bercadang mengadakan kerjasama strategik dengan pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) yang mempunyai kepakaran untuk menjaga pesakit mental tersebut. Langkah ini penting kerana pesakit mental memerlukan penjagaan khusus supaya mereka berupaya sembuh dan kembali hidup ke pangkuan masyarakat.

Pada tahun 2011, terdapat seramai 772 orang pesakit mental di 14 buah institusi JKM (iaitu 3 buah Desa Bina Diri, 9 buah Rumah Seri Kenangan dan 2 buah Rumah Ehsan).

###

Disediakan oleh : Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat  
No 55 Persiaran Perdana  
Presint 4, Putrajaya

No. Telefon : 03 – 8323 1000  
Tarikh dikeluarkan : 27 Februari 2012